

Tiada hubungan diplomatik

# Israel tak patut datang Malaysia

*SelenggaraKini - 24/1/2019 m/s: 2*

**KUALA LUMPUR** - Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, menekankan bahawa Israel tidak seharusnya datang ke Malaysia memandangkan negara ini tidak mempunyai hubungan diplomatik dengan Israel.

Beliau berkata, Malaysia mempunyai hak menutup sempadannya kepada sesetengah orang.

"Sebuah negara mempunyai hak untuk menutup sempadannya kepada sesetengah orang. Sebab itu adanya sempadan.

"Di Malaysia, kita tidak mempunyai hubungan diplomatik dengan Israel dan berpendapat mereka membuat terlalu banyak kesala-

han tetapi tetap terlepas kerana tiada siapa berani untuk berkata apa-apa terhadap mereka," katanya selepas menyampaikan ucapan pada perbincangan Oxford Union yang disiarkan secara langsung oleh Astro Awani, dari London, pada 19 Januari lalu.

Beliau berkata demikian apabila ditanya Presiden Oxford Union, Daniel Wilkinson, berhubung larangan Malaysia ke atas atlet Israel untuk menyertai Kejohanan Renang Para Dunia yang akan diadakan, di Sarawak, pada Julai ini.

Perbincangan dan temubual itu juga kemudian dimasukkan dalam akaun Facebook rasmi Dr Mahathir.

